



# LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

## DOKUMEN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA : LPB/600/Q18/2024

### TAJUK SEBUT HARGA

REPAINTING WORK FOR HOUSES AT TAMAN MAWAR, BINTULU PORT  
AUTHORITY

Tarikh Iklan : 30 Disember 2024

Tarikh Tutup : 23 Januari 20255 Jam 12.00 Tengahari

**Kod Bidang** : Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor **Bumiputera dan Bukan Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, LPIPM (CIDB)** yang mempunyai kod bidang seperti berikut:-

#### CIDB

- (i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK); serta
- (ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)

Penyebut harga hendaklah berdaftar dalam gred, kategori dan pengkhususan seperti berikut:-

**Gred** : G2  
**Kategori** : Bangunan  
**Pengkhususan** : B14- Kerja- Kerja Cat

LEMBAGA PELABUHAN BINTULU  
(BINTULU PORT AUTHORITY)  
Aras Lobi,5,8,9 & 10  
Menara Kidurong  
Jalan Tanjung Kidurong  
97007 Bintulu  
Sarawak Malaysia  
Tel : 086-232815/ 086-232822  
Faks: 086-251300

**ISI KANDUNGAN**



## LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

### LPB/600/Q18/2024 REPAINTING WORK FOR HOUSES AT TAMAN MAWAR, BINTULU PORT AUTHORITY

Satu (1) set Dokumen Pelawaaan Sebut harga terdiri daripada dokumen-dokumen seperti berikut:-

Jadual 1

BIL	PERKARA			Catatan
1	Senarai Semak Penghantaran Dokumen Sebut Harga			Bahagian ini hendaklah diisi dan dilengkapi oleh Penyebutharga
2	Notis Sebut harga			Makluman & Perhatian Penyebut harga
3	Arahan dan syarat-syarat kepada Penyebut harga			
4	Lampiran A	-	<i>Conditions Of Contract &amp; Scope Of Work And Specification</i>	
5	Lampiran A1	-	<i>Drawings</i>	
<b>Bahagian A</b>				
1	Lampiran B	-	Borang Sebut harga (Lampiran Q)	Lampiran B,C,E,F,G dan H perlu diisi dan dilengkapi oleh Penyebutharga.  Sila Rujuk perenggan 6.0 & 8.0 Arahan kepada Penyebut harga
2	Lampiran C	-	<i>Summary Of Quotation</i>	
3	Lampiran D	-	Pernyataan Mengenai Kesalahan Rasuah	
4	Lampiran E	-	Keterangan Mengenai Syarikat	
5	Lampiran F	-	Surat Akuan Pembida	
6	Lampiran G	-	Surat Perwakilan Kuasa	
7	Lampiran H	-	Pengalaman Syarikat	
8	Lampiran I	-	Format Bon Pelaksanaan (untuk makluman Penyebut harga)	

BIL	PERKARA			Catatan
<b>Bahagian B</b>				
1	Lampiran I	-	(i) Salinan Sijil Akaun Pendaftaran berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, LPIPM (CIDB) (ii) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK); serta (iii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)	<p><b>Penyebut harga hendaklah melampirkan dokumen-dokumen yang dinyatakan seperti perenggan 8.2 Arahan Kepada Penyebut harga mengikut turutan lampiran I Sehingga Lampiran X yang telah disediakan</b></p>
2	Lampiran II		Salinan Sijil Akaun Pendaftaran berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (jika ada)	
3	Lampiran III	-	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Bumiputera yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (Jika Ada)	
4	Lampiran IV	-	Salinan Akaun Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juruaudit yang bertauliah bagi dua (2) tahun kewangan yang terakhir bagi syarikat Sdn. Bhd.	
5	Lampiran V	-	Penyata bank/ salinan penyata bank yang disahkan bagi tiga (3) bulan terkini berturut-turut	
6	Lampiran VI	-	Salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat (SSM) atau Perniagaan (ROB), yang mana berkenaan	
7	Lampiran VI	-	Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kementerian Dalam Negeri ( <i>Optional</i> )	
8	Lampiran VIII	-	Salinan lesen untuk menjalankan Agensi Persendirian ( <i>Optional</i> )	
9	Lampiran IX	-	Satu (1) set Profil Syarikat	
10	Lampiran X	-	Pamphlet Atau Brosur Atau Gambar Perkakasan Yang Ditawarkan	

**Nota: Peyebut harga hendaklah mengemukakan satu Set Dokumen Pelawaan Sebut harga di Jadual 1 dalam sampul Tawaran**

**SENARAI SEMAK PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

**SENARAI SEMAKAN  
PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA  
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

**Tandakan (  ) - Jika dokumen disertakan di ruangan yang berkenaan dan masukkan lampiran-lampiran yang berkenaan MENGIKUT TURUTAN di dalam sampul tawaran.**

Bil.	Perkara/Dokumen (Dimasukkan ke dalam sampul Tawaran)	Untuk Di Tanda Oleh Syarikat	Untuk Di Tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebutharga
<b>A</b>	<b>Borang Sebut harga Lampiran B,C,E,F,G dan H perlu diisi dan dilengkapkan Oleh Penyebutharga seperti di dalam Jadual perenggan 6.0 Arahan kepada Penyebut harga</b>		
1	Senarai Semakan Penghantaran Dokumen Sebut Harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2	Lampiran B - Borang Sebutharga (Lampiran Q)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	Lampiran C - <i>Summary Of Quotation</i>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	Lampiran D - Pernyataan Mengenai Kesalahan Rasuah (untuk makluman Penyebut harga)	Tidak berkenaan	
5	Lampiran E - Keterangan Mengenai Syarikat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Lampiran F - Surat Akuan Pembida	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	Lampiran G - Surat Perwakilan Kuasa	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8	Lampiran H - Pengalaman Syarikat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9	Lampiran I - Format Bon Pelaksaaan (untuk makluman Penyebut harga)	Tidak berkenaan	
<b>B</b>	<b>Penyebut harga hendaklah melampirkan dokumen-dokumen yang dinyatakan dalam perenggan 8.2 Arahan Kepada Penyebut harga mengikut Lampiran disediakan</b>		
1	Lampiran I - (i) (Salinan Sijil Akuan Pendaftaran berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, LPIPM (CIDB) (ii) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK); serta (iii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
2	Lampiran II Salinan Sijil Akuan Pendaftaran berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (jika ada)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	Lampiran III Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Bumiputera yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (Jika Ada)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	Lampiran IV Salinan Akaun Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juruaudit yang bertauliah bagi dua (2) tahun kewangan yang terakhir bagi syarikat Sdn. Bhd.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Lampiran V Penyata bank/ salinan penyata bank yang disahkan bagi tiga (3) bulan terkini berturut-turut	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Lampiran VI Salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat (SSM) atau Perniagaan (ROB), yang mana berkenaan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	Lampiran VII Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kementerian Dalam Negeri ( <i>Optional</i> )	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

**SENARAI SEMAKAN  
PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA  
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

**Tandakan (  ) - Jika dokumen disertakan di ruangan yang berkenaan dan masukkan lampiran-lampiran yang berkenaan MENGIKUT TURUTAN di dalam sampul tawaran.**

Bil.	Perkara/Dokumen (Dimasukkan ke dalam sampul Tawaran)	Untuk Di Tanda Oleh Syarikat	Untuk Di Tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebutharga
8	Lampiran VIII - Salinan lesen untuk menjalankan Agensi Persendirian (Optional)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9	Lampiran IX - Satu (1) set Profil Syarikat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10	Lampiran X Pamphlet Atau Brosur Atau Gambar Perkakasan Yang Ditawarkan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

<p><b>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</b></p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Cop Syarikat:</p>	<p><b>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</b></p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebutharga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. .... (jika ada).</p> <p>Tandatangan Pembuka I:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Tandatangan Pembuka II:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Tandatangan Pembuka III:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>
---	---

**NOTIS SEBUT HARGA**





## LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

### NOTIS SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada penyebut harga-penyebut harga yang berkelayakan seperti berikut:-

NO. KOD DAN TAJUK SEBUT HARGA	TARIKH DIKELUARKAN	TARIKH & MASA TUTUP	TARIKH, MASA, TEMPAT DAN PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI	KELAYAKAN
LPB/600/Q18/2024  REPAINTING WORK FOR HOUSES AT TAMAN MAWAR, BINTULU PORT AUTHORITY	30 Januari 2024	23 Januari 2025  Jam 12.00 Tengahari	Tarikh:6.1.2025 HINGGA 10.1.2025  Masa: 10.00 Pagi  Tempat:Taman Mawar, Lembaga Pelabuhan Bintulu, Jalan Pangeran Matusin,97000, Bintulu, Sarawak  Pegawai yang boleh dihubungi:  Encik Abdul Mutalib Faisal Bin Lampong 086-232844/ 016-8771524  Puan Siti Norazah Binti Nazimen 086-232847/ 019-8465088  Encik Nordeen Bin Abideen 086-232849/ 016-8969795	Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor <b>Bumiputera dan Bukan Bumiputera</b> yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, LPIPM (CIDB) yang mempunyai kod bidang seperti berikut:-  <b>CIDB</b> i. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK); serta ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)  Gred : G2 Kategori : Bangunan Pengkhususan : B14- Kerja-Kerja Cat



## LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

### NOTIS SEBUT HARGA

2. **Dokumen Sebut Harga** boleh diperolehi mulai **30 Disember 2024** melalui laman web rasmi Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB) di alamat [www.bpa.gov.my](http://www.bpa.gov.my).
3. **LPB** tidak menyediakan salinan *hardcopy* **Dokumen Sebut Harga** tersebut dan adalah menjadi tanggungjawab penyebut harga untuk memuat turun Dokumen Sebut Harga daripada laman web yang disediakan. Sebarang kos percetakan dan penghantaran adalah ditanggung sepenuhnya oleh penyebut harga.
4. Kegagalan penyebut harga mematuhi arahan kepada penyebut harga yang dilampirkan bersama Dokumen Sebut Harga boleh menyebabkan tawaran/ sebut harga yang dikemukakan oleh penyebut harga ditolak.
- . Pihak **LPB** tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.
- . Penyebut harga adalah dikehendaki untuk mematuhi syarat-syarat sebut harga seperti di bawah:-
  - 6.1 Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** bagi memberi kemudahan kepada penyebut harga untuk mengenalpasti keperluan peralatan dan keluasan kawasan bagi tujuan penawaran harga sebut harga. Dalam hal ini, sekiranya penyebut harga mahu melawat sendiri kawasan atau tapak, amalan penjarakan, penggunaan *hand sanitizer* dan *pemakaian face mask* adalah perlu diteruskan. Penyebut harga dikehendaki membawa bersama Cop Rasmi syarikat;
  - 6.2 Tempat, tarikh, masa dan pegawai yang boleh dihubungi adalah seperti dalam Jadual di atas;
  - 6.3 Kegagalan penyebut harga menghadiri lawatan tapak boleh menyebabkan tawaran penyebut harga akan ditolak;
  - 6.4 Semasa menghadiri lawatan tapak, penyebut harga dikehendaki membawa Sijil Asal Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) atau Salinan Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, LPIPM (CIDB) yang telah disahkan oleh pegawai dari pejabat pengeluaran;
  - 6.5 Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen-dokumen sebut harga dikepilkan dengan kemas dan teratur. Pihak **LPB** tidak bertanggungjawab di atas kehilangan sebarang dokumen; dan
  - 6.6 Borang Sebut Harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan tertutup dengan ditulis Tajuk Sebut Harga, No. Sebut Harga dan



## LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

### NOTIS SEBUT HARGA

Tarikh Tutup di sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat seperti berikut:-

**Lembaga Pelabuhan Bintulu  
Aras 9, Sekyen Kewangan, Perolehan & Aset  
Menara Kidurong, Jalan Tanjung Kidurong  
97007 Bintulu, Sarawak**

7. Sampul yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Seksyen Kewangan, Perolehan & Aset seperti di alamat di atas **sebelum atau pada 23 Januari 2025 jam 12.00 tengahari.**
- . **Sebut Harga yang lewat diterima daripada tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.**

**ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA**

# REPAINTING WORK FOR HOUSES AT TAMAN MAWAR, BINTULU PORT AUTHORITY

## 1.0 ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUT HARGA

Arahan dan syarat-syarat kepada penyebut harga ini akan menjadi sebahagian daripada kontrak antara Lembaga pelabuhan bintulu (LPB) dan penyebut harga. Penyebut harga dikehendaki untuk membaca dan memahami isi kandungan arahan dan syarat-syarat ini semasa melengkapkan Dokumen Sebut harga.

## 2.0 KELAYAKAN PENYEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor **Bumiputera dan Bukan Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, LPIPM (CIDB)** yang mempunyai kod bidang seperti berikut:-

### CIDB

- (i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK); serta
- (ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)

Penyebut harga hendaklah berdaftar dalam gred, kategori dan pengkhususan seperti berikut:-

**Gred** : G2  
**Kategori** : Bangunan  
**Pengkhususan** : B14- Kerja- Kerja Cat

## 3.0 TEMPOH PENYERAHAN

- 3.1 Tempoh kontrak adalah selama **tiga (3) bulan *calendar days*** mulai daripada tarikh Arahan Mula Kerja dikeluarkan.
- 3.2 Penyebut harga adalah **diwajibkan untuk mengisi ruangan tarikh penyerahan/penyempurnaan penghantaran mengikut kemampuan penyebut harga pada perkara 2.2 di mukasurat satu (1) Borang Sebut harga (Lampiran Q)**. Kegagalan penyebut harga berbuat demikian boleh menyebabkan sebut harga ditolak. Walaubagaimanapun, keutamaan adalah diberi kepada penyebut harga yang berkemampuan untuk melaksanakan kerja dalam tempoh yang telah ditetapkan.

## 4.0 TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK

Dalam mengemukakan Sebut harga ini, pihak kontraktor adalah **WAJIB** untuk melawat tapak dan melihat keadaan dan persekitarannya dan telah memastikan atas dirinya, sebelum mengemukakan Sebut harga, sejauh mana dan secara mana kerja, peralatan dan bahan yang akan digunakan untuk melaksanakan kerja, kaedah komunikasi dan laluan ke tapak, dan secara am, telah mendapatkan untuk

## REPAINTING WORK FOR HOUSES AT TAMAN MAWAR, BINTULU PORT AUTHORITY

dirinya segala maklumat yang diperlukan yang meliputi risiko dan semua keadaan yang boleh mempengaruhi Sebut harganya.

Tiada pertimbangan untuk kos tambahan akan dilayan daripada penyebut harga atas alasan kurang pengetahuan dan maklumat tentang tapak dan persekitarannya jika Sebut harga diterima.

Mana-mana maklumat dan dokumen yang dikemukakan oleh Pegawai Penguasa (*Superintending Officer*, SO) tidak akan melepaskan penyebut harga dari tanggungjawabnya di bawah peruntukan klausa ini. SO tidak memberi apa-apa jaminan ke atas maklumat dan dokumen samada merujuk kepada kelengkapan atau kesahihannya ataupun secara man maklumat dan dokumen yang dikemukakan harus diterjemahkan. Penyebut harga hendaklah mengguna dan menterjemahkan maklumat dan dokumen ini atas risikonya sendiri.

Butiran berkenaan lawatan tapak adalah seperti berikut:

**Lokasi Pendaftaran : Taman Mawar, Lembaga Pelabuhan Bintulu, Jalan Pangeran Matusin,97000, Bintulu, Sarawak**

**Tarikh : 6 Januari 2025 sehingga 10 Januari 2025**

**Masa : 10.00 Pagi**

**Pegawai Dihubungi : Encik Abdul Mutalib Faisal Bin Lampong  
No. Tel 086-232844/ 016-8771524**

**Puan Siti Norazah Binti Nazimen  
086-232847/ 0198465088**

**Encik Nordeen Bin Abideen  
086-232849/ 016-8969795**

Kegagalan penyebut harga untuk hadir ke lawatan tapak akan menyebabkan tawaran tidak dapat dipertimbangkan.

### 5.0 SKOP BEKALAN / PERKHIDMATAN / KERJA

Skop Kerja dan spesifikasi teknikal adalah seperti di **Lampiran A**.

### 6.0 DOKUMEN PENYEBUT HARGA

Satu (1) set Dokumen Sebut harga terdiri daripada dokumen-dokumen seperti berikut:-

## REPAINTING WORK FOR HOUSES AT TAMAN MAWAR, BINTULU PORT AUTHORITY

Bil.	Perkara
1	Arahan dan syarat-syarat kepada Penyebut harga
2	<b>TAWARAN TEKNIKAL</b> Lampiran A <i>Conditions Of Contract &amp; Scope Of Work And Specification</i> Lampiran A1 <i>Drawings</i>
3	<b>TAWARAN KEWANGAN</b> Lampiran B Borang Sebut harga (Lampiran Q) Lampiran C <i>Summary Of Quotation</i> Lampiran D Pernyataan Mengenai Kesalahan Rasuah Lampiran E Keterangan Mengenai Syarikat Lampiran F Surat Akuan Pembida Lampiran G Surat Perwakilan Kuasa Lampiran H Pengalaman Syarikat Lampiran I Format Bon Pelaksanaan

### 7.0 SEBUT HARGA

- 7.1 Penyebut harga adalah dikehendaki untuk melengkap dan menandatangani satu salinan Dokumen Sebut harga yang telah diberikan kepada mereka.
- 7.2 Dalam kes usaha sama, semua yang terlibat dalam usaha sama adalah dikehendaki untuk menandatangani Borang Sebut harga. Borang Sebut harga yang tidak ditandatangani dan tidak lengkap adalah tidak layak untuk dipertimbangkan.
- 7.3 Semua butiran dan maklumat yang hendak diisi ke dalam Borang Sebut harga hendaklah ditulis dengan terang menggunakan dakwat. Pemadam tidak boleh digunakan dan mana-mana pembetulan atau kesilapan hendaklah digaris dengan elok dan semua pembetulan hendaklah diperakukan.
- 7.4 Sebut harga hendaklah disebutkan dalam **Ringgit Malaysia**.
- 7.5 Sebut harga hendaklah diisi dengan lengkap dan sempurna. Mana-mana Sebut harga yang tidak diisi dengan lengkap dan sempurna boleh mengakibatkan Sebut harga tidak dipertimbangkan.

### 8.0 MAKLUMAT LATARBELAKANG KEWANGAN DAN PRESTASI

- 8.1 Penyebut harga hendaklah mengambil maklum bahawa penilaian sebut harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan penyebut harga untuk melaksanakan projek yang disebut harga, di samping kemunasabahan harga sebut harga. Justeru itu, keupayaan sebut harga akan

## REPAINTING WORK FOR HOUSES AT TAMAN MAWAR, BINTULU PORT AUTHORITY

dinilai semasa penilaian sebut harga. Penilaian ini akan dibuat berdasarkan kedudukan kewangan, pengalaman kerja, kakitangan/ pekerja dan prestasi kerja semasa penyebut harga.

- 8.2 Bagi memudahkan penilaian ini dibuat, penyebut harga dikehendaki untuk mengemukakan dokumen-dokumen berikut bersama-sama sebut harga yang dikemukakan:-
- (a) Salinan Akaun Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juruaudit yang bertauliah bagi dua (2) tahun kewangan yang terakhir bagi syarikat Sdn. Bhd;
  - (b) Penyata bank/ salinan penyata bank yang disahkan bagi tiga (3) bulan terkini;
  - (c) Salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat (SSM);
  - (d) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia;
  - (e) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia;
  - (f) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kementerian Dalam Negeri;
  - (g) Salinan lesen untuk menjalankan Agensi Persendirian; dan
  - (h) Satu (1) set Profil Syarikat.

### 9.0 PENYERAHAN SEBUT HARGA

- 9.1 Dokumen Sebut harga yang perlu dikemukakan adalah seperti di dalam jadual yang tertera di bawah **perenggan 6.0** dan dokumen-dokumen yang dinyatakan di bawah **perenggan 8.2**.
- 9.2 **Dokumen Sebut harga hendaklah disediakan dalam dua (2) salinan. Salinan asal dicop sebagai 'Asal' atau 'Original' manakala satu (1) dokumen salinan dicop sebagai 'Salinan' atau 'Duplicate'.**
- 9.3 **Para Penyebut harga HANYA DIBENARKAN menulis nama atau tanda perniagaan di dalam dokumen salinan asal sahaja. Para penyebut harga DILARANG SAMA SEKALI menandakan/ meletakkan apa-apa nama dan/ atau tanda perniagaan yang membawa maksud pengenalan/ identiti Penyebut harga di dalam satu (1) dokumen salinan tersebut.**
- 9.4 Kedua-dua salinan Dokumen sebut harga yang telah sempurna tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu (1) sampul yang ditutup dan berlakri serta ditanda dengan jelas seperti berikut :-

**SEBUT HARGA NO.: LPB/600/Q18/2024– REPAINTING WORK FOR HOUSES AT TAMAN MAWAR, BINTULU PORT AUTHORITY**



## REPAINTING WORK FOR HOUSES AT TAMAN MAWAR, BINTULU PORT AUTHORITY

tanpa apa-apa tanda dengan cara mana identiti penyebut harga boleh dikenalpasti. Sampul yang mengandungi dokumen di atas hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut harga dan dialamatkan kepada:-

**PENGURUS BESAR  
LEMBAGA PELABUHAN  
BINTULU PETI SURAT BOX 296  
97007, BINTULU, SARAWAK**

**pada atau sebelum jam 12 tengah hari pada hari yang dinyatakan dalam iklan Sebut harga.** Mana-mana Sebut harga yang dikemukakan selepas masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

- 9.5 Sebut harga menggunakan telegraf atau telek atau faks adalah tidak diterima sama sekali.
- 9.6 LPB tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.
- 9.7 LPB tidak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa perbelanjaan dan kerugian yang mungkin ditanggung oleh penyebut harga semasa menyedia dan menghantar sebut harga.
- 9.8 Syarikat-syarikat yang ingin berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia boleh berbuat demikian secara atas talian di <http://home.eperolehan.com.my> atau boleh menghubungi Khidmat Bantuan Pelanggan ePerolehan di talian 03-7985 7777/ 03- 7985 7888 atau emel [bantuan@eperolehan.gov.my](mailto:bantuan@eperolehan.gov.my).
- 9.9 Iklan Sebut harga ini juga boleh dirujuk di laman web LPB di alamat <http://www.bpa.gov.my> .

### **10.0 TEMPOH SAHLAKU SEBUT HARGA**

- 10.1 Sebut harga yang telah diterima daripada penyebut harga adalah terbuka untuk penerimaan atau penolakan untuk tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh Sebut harga ditutup. Penyebut harga yang berjaya akan dimaklumkan oleh LPB dalam tempoh ini.
- 10.2 Penyebut harga adalah dipelawa untuk melawat laman web LPB untuk melihat Keputusan sebut harga di [http://www.bpa.gov.my/web/home/tender\\_result](http://www.bpa.gov.my/web/home/tender_result) atau di Papan Notis Iklan LPB.

## REPAINTING WORK FOR HOUSES AT TAMAN MAWAR, BINTULU PORT AUTHORITY

### 11.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 11.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- 11.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- 11.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau Penyebut harga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694); dan
- 11.4 Mana-mana kontraktor atau Penyebut harga yang membuat tuntutan pembayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

### 12.0 INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

- 12.1 Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida (Lampiran F)** bahawa penyebut harga tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak.
- 12.2 Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa (Lampiran G)** menandatangani bagi pihak syarikat sebagai tanda bahawa beliau adalah individu yang diberi kuasa untuk berurusan dengan pihak LPB bagi urusan perolehan/perjanjian bagi perkara ini.
- 12.3 Penyebut harga yang berjaya dan telah dilantik secara rasmi oleh pihak LPB juga dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

## REPAINTING WORK FOR HOUSES AT TAMAN MAWAR, BINTULU PORT AUTHORITY

### 13.0 HARGA INDIKATIF JABATAN

- 13.1 Harga indikatif jabatan bagi sebut harga ini adalah berjumlah Ringgit Malaysia **tiga ratus empat puluh ribu sahaja (RM340,000.00)**.
- 13.2 Harga Indikatif ini merupakan suatu anggaran sahaja dan jumlah tersebut tidak mengikat Lembaga Pelabuhan Bintulu atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
- 13.3 Pihak Lembaga Pelabuhan Bintulu juga tidak menjamin bahawa Syarikat akan dipilih atau boleh menyempurnakan bekalan dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

### 14.0 HARGA TAWARAN

- 14.1 Harga Tawaran penyebut harga hendaklah diisi dalam **Lampiran B** dan **Lampiran C** Sebut harga ini. Harga-harga yang ditawarkan adalah termasuk semua kos bersangkutan dengan sebut harga No. **LPB/600/Q18/2024-Repainting Work For Houses At Taman Mawar, Bintulu Port Authority**.
- 14.2 Harga-harga yang ditawarkan dalam tawaran ini adalah tetap, harga bersih dan dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan tidak boleh dipinda selepas penawaran sebut harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dan dalam tempoh sah laku sebut harga. Harga yang ditawarkan oleh penyebut harga yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan KECUALI atas persetujuan kedua-dua pihak.
- 14.3 Borang Lampiran Q dan *Schedule Of Rates* hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas bagi setiap butiran yang dimasuki. Penggunaan “ditto” atau “seperti di atas” tidak boleh digunakan.
- 14.4 Bagi ruangan yang kosong, misalnya tidak ada apa-apa maklumat yang hendak dicatatkan mestilah ditulis dengan perkataan “Tidak Berkenaan”.
- 14.5 Penyebut harga boleh mengemukakan tawaran berasaskan kepada *Nett Delivered/ FOB/ CIF/ Ex-Work/ FCA*. Penjelasan mengenai terma-terma ini adalah seperti di bawah:

#### 14.5.1 **Nett Delivered:**

Ini adalah harga bersih termasuk kos pembungkusan, kos pemunggahan dan kos penghantaran serta kos-kos lain yang berkaitan ke destinasi terakhir/ pengguna yang telah ditentukan.

## REPAINTING WORK FOR HOUSES AT TAMAN MAWAR, BINTULU PORT AUTHORITY

### 14.5.2 *Free On Board (FOB):*

Penyebut harga mesti memuat barangan import ke dalam kapal dan urusan penghantaran hendaklah dikendalikan oleh syarikat bagi perkhidmatan *Multimodal Transport Operator (MTO)* yang dilantik oleh agensi serta insurans ditanggung oleh LPB.

Semua barangan import tersebut hendaklah dihantar terus dari pelabuhan memuat (*port of loading*) negara asal barangan (*country of origin*) ke pengkalan punggah (*port of discharge*) di mana-mana pangkalan di Malaysia sebelum dihantar ke destinasi akhir.

Perolehan yang diimport dan dibekalkan melalui pelabuhan negara kedua tidak dibenarkan sama sekali.

### 14.5.3 *Cost, Insurance & Freight (CIF):*

Penyebut harga mesti membayar kos dan tambang untuk membawa masuk barangan ke destinasi pengkalan dan insurans perlu ditanggung oleh pihak penyebut harga.

### 14.5.4 *Ex-Work (EXW):*

Penyebut harga menjamin barangan tersebut telah berada di premis penyebut harga dan penyebut harga bertanggungjawab ke atas semua kos.

### 14.5.5 *Free Carrier (FCA):*

Semua urusan pengangkutan dan insurans diuruskan oleh pembeli/ agensi bermula dari tempat barangan diterima.

## 14.6 CUKAI PERKHIDMATAN

Bagi perolehan perkhidmatan, semua tawaran harga oleh penyebut harga hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran perkhidmatan tanpa Cukai Perkhidmatan. Sekiranya perkhidmatan tersebut termasuk dalam senarai yang dikenakan Cukai Perkhidmatan dan penyebut harga adalah berdaftar CJCP dengan JKDM, maka LPB akan menawarkan nilai perolehan termasuk kenaaan Cukai Perkhidmatan.

**14.6.1** Penyebut harga hendaklah diberitahu bahawa pada bila- bila masa setelah berdaftar dengan JKDM, penyebut harga hendaklah memaklumkan LPB supaya Cukai Perkhidmatan boleh dibayar oleh LPB. Kegagalan atau kelewatan penyebut harga untuk memaklumkan kepada LPB mengenai status pendaftaran dengan JKDM akan menyebabkan penyebut harga perlu menanggung CJCP dan tidak layak menuntut apa- apa bayaran daripada LPB.

## REPAINTING WORK FOR HOUSES AT TAMAN MAWAR, BINTULU PORT AUTHORITY

- 14.7 **LPB tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah atau mana- mana tawaran.** Bagaimanapun, harga yang ditawarkan oleh Penyebut harga bukanlah nilai kontrak muktamad yang akan ditetapkan oleh LPB sekiranya berjaya di dalam penawaran sebut harga ini.

### 15.0 PEMBUKAAN SEBUT HARGA

LPB berhak untuk tidak mengeluarkan apa-apa maklumat mengenai setiap sebut harga yang telah dibuka.

### 16.0 INTERPRETASI DOKUMEN

Jika terdapat keraguan ke atas maksud sebenar mana-mana bahagian daripada Dokumen Sebut harga, penyebut harga hendaklah dengan seberapa segera yang boleh, tetapi tidak kurang dari sepuluh (10) hari sebelum tarikh penutupan sebut harga, memaklumkan kepada LPB dan meminta penjelasannya mengenai keraguan tersebut sebelum mengemukakan Sebut harga. Intepretasi atau penjelasan ke atas Dokumen sebut harga hanyalah sah jika ianya dibuat menerusi addenda yang dikeluarkan secara formal oleh LPB seperti dijelas dalam perkara 16 di bawah.

### 17.0 ADDENDA

Addenda mungkin dikeluarkan sebelum tarikh tutup sebut harga untuk menjelaskan maksud Dokumen Sebut harga ataupun untuk membuat perubahan ke atas syarat kontrak. Setiap addenda akan diedarkan kepada semua penyebut harga dan akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Sebut harga. Penerimaan setiap addenda mestilah disahkan. Kegagalan untuk mengesahkan penerimaan setiap addenda akan mengakibatkan sebut harga ditolak.

### 18.0 PELANGGARAN SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

Penyebut harga yang tidak mematuhi syarat-syarat sebut harga boleh dikenakan tindakan seperti berikut:-

#### 18.1 Kesalahan Melanggar Syarat Sebut harga

- i) Menarik diri
- ii) Pakatan harga
- iii) Tidak menyerahkan Bon Pelaksanaan
- iv) Memalsukan maklumat dengan tujuan menyertai sebut harga
- v) Menerima dan memberi rasuah

## REPAINTING WORK FOR HOUSES AT TAMAN MAWAR, BINTULU PORT AUTHORITY

### 18.2 Kesalahan Kerana Melanggar Syarat Kontrak

- i) Lewat menyiapkan kerja
- ii) Tidak menepati spesifikasi
- iii) “Sub Kontrak” tanpa persetujuan LPB
- iv) Menerima dan memberi rasuah

### 18.3 Jenis-Jenis Tindakan/ Hukuman

- i) Amaran
- ii) Denda
- iii) Penamatan kontrak
- iv) Batal tajuk pendaftaran
- v) Gantung pendaftaran
- vi) Senarai hitam syarikat
- vii) Merampas bon pelaksanaan

## **19.0 HAK LPB APABILA BEKALAN/ PERKHIDMATAN/ KERJA YANG DILAKSANAKAN TIDAK MENGIKUT TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

19.1 Jika bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang dilaksanakan tidak mengikut atau jika berlaku pelanggaran mana-mana terma-terma dan syarat-syarat kontrak ini, LPB boleh mengambil tindakan mana-mana satu atau apa-apa gabungan perkara berikut:-

19.1.1 menolak perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya dan meminta penyebut harga menggantikan bekalan/ perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh LPB. Jika perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya tidak diganti dalam masa yang ditentukan, LPB boleh mendapatkan perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya daripada lain-lain punca dan penyebut harga dikehendaki membayar amaun yang dikenakan kepada LPB;

19.1.2 menamatkan kontrak ini dan melantik pihak lain untuk melaksanakan perkhidmatan;

19.1.3 mengambil atau merampas keseluruhan atau sebahagian jumlah wang dalam Bon Pelaksanaan, jika ada; dan

19.1.4 mengenakan denda sepertimana yang telah ditetapkan dalam Surat Setuju Terima seperti berikut:

## REPAINTING WORK FOR HOUSES AT TAMAN MAWAR, BINTULU PORT AUTHORITY

Jumlah Nilai Perolehan	Denda
Sehingga RM20,000.00	0.1 % daripada nilai perolehan
RM20,000.00 – RM199,999.99	
RM200,000.00 ke atas	

bagi setiap hari kelewatan (*calendar days*).

### 20.0 SURAT SETUJU TERIMA

- 20.1 LPB adalah berhak menyetujui terima sebut harga tersebut sama ada kesemuanya ataupun sebahagiannya daripadanya. LPB tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.
- 20.2 Keputusan LPB adalah muktamad. LPB tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada penyebut harga-penyebut harga mengenai sebab-sebab tawaran mereka tidak berjaya.
- 20.3 Penyebut harga-penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian kontrak dengan LPB sekiranya ada dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian tersebut. Sekiranya tiada dokumen perjanjian disediakan, dengan penerimaan Surat Setuju Terima oleh penyebut harga, maka suatu ikatan Kontrak telah terwujud antara penyebut harga dan LPB.

### 21.0 BON PELAKSANAAN

- 21.1 Bagi kontrak kerja yang bernilai **melebihi RM200,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Ribu)** penyebut harga yang berjaya hendaklah mengemukakan bersama-sama dengan Surat Setuju Terima (SST), Bon Pelaksanaan sebanyak lima peratus (5%) daripada jumlah harga kontrak.
- 21.2 Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank- bank atau institusi kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan sama ada dalam bentuk:
  - 21.2.1 Jaminan Bank/Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh bank/syarikat kewangan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;
  - 21.2.2 Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] yang beroperasi di Malaysia;
  - 21.2.3 Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikat insurans yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758]

## REPAINTING WORK FOR HOUSES AT TAMAN MAWAR, BINTULU PORT AUTHORITY

yang beroperasi di Malaysia;

- 21.2.4 Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh Syarikat Takaful yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] yang beroperasi di Malaysia; atau
- 21.2.5 Jaminan Bank/Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh bank/syarikat kewangan berlesen di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618] yang beroperasi di Malaysia.
- 21.3 Semua Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Insurans/Jaminan Bank Islam/ Jaminan Takaful untuk Bon Pelaksanaan bagi perolehan kerja hendaklah menggunakan format dan kandungan seperti di **Lampiran I (i)** (bagi projek bernilai sehingga RM10 juta) atau **Lampiran I (ii)** (bagi projek bernilai melebihi RM10 juta).
- 21.4 Bagi kerja yang dilaksanakan oleh sub kontraktor dinamakan (*nominated subcontractor* - NSC), NSC hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan kepada kontraktor utama dengan menggunakan format seperti di **Lampiran I (iii)**.
- 21.5 Penyebut harga yang berjaya hendaklah menggunakan Format Bon Pelaksanaan seperti di **Lampiran I (i) atau (ii) atau (iii)** tanpa sebarang pindaan. **Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan hendaklah tamat satu (1) tahun selepas tarikh tamat kontrak.**
- 21.6 Penyebut harga yang berjaya juga boleh memilih kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan sebagai Bon Pelaksanaan. Wang Jaminan Pelaksanaan ialah satu kemudahan bagi memenuhi keperluan Bon Pelaksanaan. Wang Jaminan Pelaksanaan bermaksud sejumlah wang yang dipegang oleh Kerajaan bagi memastikan kontraktor mematuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak yang ditandatangani.
- 21.7 Jumlah Wang Jaminan Pelaksanaan adalah lima peratus (5%) daripada harga keseluruhan kontrak. Kemudahan ini hanya dibenarkan kepada kontraktor kerja tempatan sahaja. Walau bagaimanapun, Wang Jaminan Pelaksanaan tidak dibenarkan untuk Sub Kontraktor Dinamakan bagi Kerja.
- 21.8 Sekiranya kontraktor gagal mengemukakan Bon Pelaksanaan pada tarikh milik tapak, secara automatik kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan akan diguna pakai.
- 21.9 Kontraktor yang memilih/dikenakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan akan dikenakan potongan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada bayaran kemajuan pertama dan seterusnya sehingga ia mencapai jumlah lima peratus (5%) daripada nilai keseluruhan kontrak.



## REPAINTING WORK FOR HOUSES AT TAMAN MAWAR, BINTULU PORT AUTHORITY

- 21.10 Walau bagaimanapun, pada bila-bila masa di sepanjang pelaksanaan projek tersebut, kontraktor boleh mengemukakan Bon Pelaksanaan dan LPB boleh memulangkan Wang Jaminan Pelaksanaan yang ditahan.
- 21.11 Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan bagi perolehan kerja adalah berdasarkan nilai projek seperti berikut:

<b>Nilai Projek</b>	<b>Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan</b>
Kos projek sehingga RM10 Juta	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dari Tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tamat Tempoh Kecacatan (DLP)</li><li>• Format dan kandungan seperti di <b>Lampiran I (i)</b></li></ul>
Kos Projek melebihi RM10 Juta	<ul style="list-style-type: none"><li>• Dari tarikh kuat kuasa sehingga 24 bulan selepas Tempoh Tangunggan Kecacatan (DLP)</li><li>• Format dan kandungan seperti di <b>Lampiran I (ii)</b>.</li></ul>

- 21.12 Jika berlaku kelewatan dalam penyiapan projek, tindakan serta merta hendaklah diambil oleh penyebut harga berjaya untuk memastikan tempoh sah laku Bon Pelaksanaan dilanjutkan, tidak kira sama ada LPB mengenakan ganti rugi tertentu atau ganti rugi ditetapkan atau lanjutan masa diluluskan.
- 21.13 Bon Pelaksanaan akan dikembalikan setelah kontrak dilaksanakan dengan sempurna dan memuaskan. Sekiranya kontrak itu tidak dilaksanakan dengan sempurna dan memuaskan, maka Bon Pelaksanaan itu akan dirampas. Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) tawaran dikeluarkan. Kelewatan penyerahan bon pelaksanaan akan menyebabkan SST dibatalkan dan seterusnya kontrak ditamatkan. LPB adalah berhak untuk berbuat demikian bagi mengelakkan kelewatan demi memastikan pelaksanaan sebut harga ini berjalan seperti yang dirancang.

### 22.0 TAWARAN ALTERNATIF, SYARAT DAN KEPERLUAN

Penyebut harga hendaklah mengikut dengan sepenuhnya kehendak-kehendak dan keperluan- keperluan yang telah ditetapkan dalam Dokumen Sebut harga kecuali terdapat addenda- addenda yang dikeluarkan oleh LPB. Oleh yang demikian, penyebut harga adalah dilarang sama sekali untuk membuat apa-apa perubahan di dalam Dokumen Sebut harga dan Lampiran-Lampiran yang disertakan bersama sebut harga ini.

Jika penyebut harga ingin menetapkan terma, syarat atau keperluannya sendiri yang berbeza dengan apa yang terdapat dalam Dokumen Sebut harga, penyebut harga hendaklah terlebih dahulu menyiap dan mengemukakan sebut harganya

## **REPAINTING WORK FOR HOUSES AT TAMAN MAWAR, BINTULU PORT AUTHORITY**

yang lengkap yang mengikuti sepenuhnya kehendak-kehendak dalam Dokumen Sebut harga. Selepas itu, barulah penyebut harga menetapkan terma, syarat dan keperluannya yang berbeza dengan apa yang terdapat dalam Dokumen Sebut harga dalam surat depan semasa mengemukakan sebut harga, dan juga menyatakan dengan jelas akan kesan oleh terma, syarat dan keperluan yang ditetapkan itu ke atas Sebut harga ini jika LPB menerima terma, syarat dan keperluan tersebut.

### **23.0 BAYARAN KEPADA PENYEBUT HARGA**

23.1 Bayaran kepada penyebut harga yang berjaya hanya akan dibuat dalam tempoh 14 hari setelah bekalan/ perkhidmatan/ kerja ini disemak dan disahkan telah dilaksanakan dengan sempurna oleh SO yang dilantik.

